

Kupasan Sejarah

Perjanjian Malaysia

1963

Edisi September 2018




Ulang tahun
ke-

55

1963 - 2018

Artikel khas sempena
sambutan Hari Malaysia
yang ke 55 tahun!

ARTIKEL KHAS




PENGENALAN

Seperi mana yang kita sedia maklum, Malaysia adalah sebuah negara persekutuan yang dibentuk daripada beberapa wilayah yang berasingan sebelum terwujudnya negara ini. Menurut sejarah yang terlar, Persekutuan Malaysia terbentuk apabila **Persekutuan Tanah Melayu** bergabung bersama wilayah-wilayah **Borneo Utara** (Sabah), **Sarawak** dan **Singapura**.

Di dalam ucapan sempena Hari Malaysia 2018 yang lalu, YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyatakan komitmen Kerajaan untuk “**mengembalikan status rakan sekutu kepada Sabah dan Sarawak**” sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia 1963, selaras dengan prinsip dan semangat yang terkandung di dalam **Perjanjian Malaysia 1963 (Malaysia Agreement 1963)** atau lebih dikenali sebagai **MA63**.

“EQUAL PARTNERS” | Di dalam Perlembagaan Malaysia pada 16 September 1963 yang dipinda melalui **Akta 26/1963, Perkara 1** telah menyatakan mengenai nama Persekutuan dan wilayah-wilayahnya seperti berikut:



Empat wilayah membentuk
Persekutuan Malaysia pada 1963 : Persekutuan Tanah
Melayu, Singapura, Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak


Name, States and territories of the Federation

1. (1) The Federation shall be known, in Malay and in English, by the name Malaysia.

(2) **The States of the Federation shall be –**
 - (a) the States of Malaya, namely, Johore, Kedah, Kelantan, Malacca, Negri Sembilan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Selangor and Trengganu; and
 - (b) the Borneo States, namely, Sabah and Sarawak; and**
 - (c) the State of Singapore.

- (3) The territories of each of the State mentioned in Clause (2) are the territories comprised therein immediately before Malaysia Day.

ASAS PERLEMBAGAAN



Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah undang-undang tertinggi negara

Jika diperhatikan di dalam **Perkara 1, klausa (2)** yang asal pada tahun 1963 ini, didapati bahawa terdapat satu **pengkelasan** yang jelas mengenai wilayah-wilayah yang membentuk persekutuan Malaysia iaitu **(i) Negeri-negeri Tanah Melayu (ii) Negeri-negeri Borneo** iaitu Sabah dan Sarawak serta **(iii) Negeri Singapura**.

Dalam erti kata lainnya, taraf negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah setara dengan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura dan bukanlah salah sebuah negeri seperti mana-negeri-negeri lain di dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Walaupun bagaimanapun, melalui **Akta A354** yang berkuatkuasa melalui **27 Ogos 1976, klausa (2)** di dalam **Perkara 1** Perlembagaan Persekutuan ini telah dipinda seperti mana yang terdapat hingga ke hari ini seperti berikut:

(2) The States of the Federation shall be Johore, Kedah, Kelantan, Malacca, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor and Terengganu.

“Dalam erti kata lainnya, taraf negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah setara dengan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura dan bukanlah salah sebuah negeri seperti mana-negeri-negeri lain di dalam Persekutuan Tanah Melayu”

Dengan pindaan yang berkuatkuasa sehingga hari ini, Sabah dan Sarawak telah diletakkan sebaris dengan negeri-negeri lain di dalam Persekutuan Tanah Melayu yang asal, sekaligus menampakkan seolah-olah berlakunya penurunan taraf daripada “rakan sekutu” Persekutuan Tanah Melayu kepada “anak” kepadanya.

Disebabkan yang demikian itu, Kerajaan pada hari ini berpendapat, pengembalian semula taraf atau status sebagai “rakan sekutu” kepada Sabah dan Sarawak di dalam Persekutuan Malaysia adalah penting dalam membentuk asas kukuh untuk mengeratkan hubungan ketiga-tiga wilayah.

Selain daripada isu “rakan sekutu” ini, terdapat beberapa perkara lagi di dalam MA63 harus dihormati oleh kesemua pihak. Tidak dapat dinafikan, disebalik semangat federalisme yang membentuk Malaysia, hak-hak dan kuasa-kuasa autonomi yang diperuntukkan khas kepada wilayah Sabah dan Sarawak hendaklah sentiasa dipelihara malah ditambahbaik selaras dengan perkara-perkara yang telah dipersetujui semasa pembentukan Malaysia satu ketika dahulu.



//

Let every Malaysian in all the States of Malaya, Singapore, Sarawak and Sabah ensure that our Malaysia is truly worthy of the aims and hopes we have shared, the trials and stress, we have endured, in working together to achieve our common destiny."


PERJANJIAN MALAYSIA 1963

Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA63) adalah sebuah dokumen yang ditandatangani oleh pihak-pihak “United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland, Persekutuan, Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura”.

Perjanjian ini telah ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London dan teks yang sah di sisi undang-undang bagi setiap Perkara di dalam perjanjian ini ialah di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Perjanjian ini telah didaftarkan di sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations – UN) pada 21 September 1970 oleh United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan bernombor rujukan 10760.

Di dalam perjanjian ini, terdapat sebanyak 11 Perkara yang disusuli dengan lampiran-lampiran yang menjadi

asas kepada Akta 26/1963 untuk meminda perlembagaan sedia ada iaitu Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia, selaras dengan penggabungan bersama Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura. Setiap satu daripada Perkara yang terdapat di dalam perjanjian ini berfungsi sebagai perkara dan arah tuju yang harus diikuti, dipatuhi dan ditunaikan oleh semua pihak yang telah menandatangani perjanjian ini.



Muka Depan Perjanjian Malaysia 1963

PERJANJIAN

MALAYSIA

9 JULAI 1963

LONDON

Perjanjian Malaysia 1963 adalah satu perjanjian antarabangsa dan telah didaftarkan oleh Kerajaan United Kingdom di PBB pada 21 September 1970.



INTIPATI PERJANJIAN

Berikut merupakan 11 Perkara yang menjadi intipati perjanjian ini:



WAKIL - WAKIL

1. UNITED KINGDOM

2. MALAYA

3. NORTH BORNEO

4. SARAWAK

5. SINGAPURA

1.

Perkara 1 – menyatakan bahawasanya Borneo Utara dan Sarawak, dan Singapura akan **disekutukan** dengan Persekutuan Tanah Melayu dan dikenali sebagai Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura mengikut surat cara Perlembagaan yang dilampirkan pada surat perjanjian dengan penamaan Persekutuan dengan nama “**Malaysia**”

2.

Perkara 2 – menyatakan mengenai kewajipan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk **menggubal** Perlembagaan melalui Parlimen Persekutuan dengan memastikan surat cara Perlembagaan yang dilampirkan akan menjadi suatu Akta untuk dipatuhi di dalam Perlembagaan yang digubal dan akan berkuatkuasa pada 31 Ogos 1963 dan tarikh ini akan dikenali sebagai “Hari Malaysia” (tarikh ini kemudian berubah kepada 16 September 1963 disebabkan oleh beberapa hal).

3.

Perkara 3 – menyatakan mengenai tanggungjawab kerajaan United Kingdom untuk menyerahkan kepada Queen, perintah-perintah untuk **membolehkan Perlembagaan** negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Singapura **berkuatkuasa** mengikut lampiran-lampiran perlembagaan setiap negeri tersebut yang dilampirkan bersama-sama surat perjanjian.

4.

Perkara 4 – menyatakan mengenai kewajipan Kerajaan United Kingdom untuk mendapatkan penggubalan satu Akta di Parlimen United Kingdom bagi membolehkan **perlepasan hak kedaulatan oleh Queen ke atas Borneo Utara, Sarawak dan Singapura**, bermula pada “Hari Malaysia” dan diserahkan kuasa itu mengikut Perjanjian dan lampiran-lampirannya.

5.

Perkara 5 – menyatakan mengenai kewajipan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk mendapatkan **penggubalan Akta** oleh Parlimen bagi meminda skop **imigresen** untuk kemasukan ke Sabah dan Sarawak serta peruntukan-peruntukan khas seperti lampiran yang tertentu yang dilampirkan bersama-sama Perjanjian ini akan tertakluk kepada penggubalan Akta tersebut.

6.

Perkara 6 – menyatakan mengenai **Perjanjian Pertahanan Luar dan Bantuan Bersama** antara Persekutuan Tanah Melayu dan United Kingdom pada 1957, kini akan **diperluaskan** bagi semua wilayah “Malaysia” serta kebenaran untuk United Kingdom terus menggunakan pangkalan-pangkalan tentera sedia ada, terutamanya di Singapura, seperti mana dalam lampiran di dalam Perjanjian ini.

7.

Perkara 7 – menyatakan mengenai persetujuan bagi membolehkan Queen membuat perintah mengenai **pembayaran saguhati** kepada para pegawai dalam perkhidmatan awam yang berkhidmat, terutama di North Borneo dan Sarawak sebelum Hari Malaysia. Selain itu, ia turut menyentuh mengenai Perjanjian **Pegawai Awam** yang harus ditandatangani oleh Kerajaan United Kingdom dan Kerajaan Malaysia. Kerajaan Malaysia juga hendaklah memperoleh persetujuan daripada Kerajaan Sabah, Sarawak atau Singapura sebelum menandatangani perjanjian itu.

8.

Perkara 8 – menyatakan mengenai tanggungjawab Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak untuk mengamalkan tindakan bagi melaksanakan segala syor, jaminan dan aku janji yang terdapat di dalam Bab III dan Lampiran A dan Lampiran B Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan yang ditandatangani pada 27 Februari 1963 selagi mana ia tidak dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

9.

Perkara 9 – menyatakan mengenai keperluan menjadikan Lampiran J yang berkenaan dengan Pasaran Bersama dan perkiraan kewangan di dalam perjanjian ini dijadikan sebagai Perjanjian antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan Singapura.

10.

Perkara 10 – menyatakan mengenai keperluan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan Singapura dalam menjalankan kuasa-kuasa yang ada berkenaan siaran radio dan televisyen seperti mana termaktub di dalam Lampiran K di dalam Perjanjian ini selagi ia tidak dilaksanakan melalui Perlembagaan Malaysia.

11.

Perkara 11 – menyatakan mengenai keperluan Perjanjian ini ditandatangani di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sahaja manakala setiap lampirannya hanyalah di dalam Bahasa Inggeris. Jika kekeliruan berlaku, maka naskhah Bahasa Inggeris akan digunakan sebagai tafsiran yang sah.



MEMORANDUM 20 PERKARA

MENJAMIN HAK DAN KEPENTINGAN
RAKYAT

Memorandum 20 Perkara adalah merupakan satu memorandum yang dikemukakan oleh Borneo Utara kepada Jawatankuasa Antara Kerajaan yang telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1962. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan hasil daripada cadangan Suruhanjaya Cobbold dan fungsi utamanya adalah untuk menjamin hak dan kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak agar tidak tergugat apabila menyertai Malaysia. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Lord Landsdowne dan ahlinya terdiri daripada wakil-wakil Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak.

Tugas jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji dan mengesyorkan peruntukan perlembagaan yang berkaitan dengan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia. Melalui jawatankuasa inilah, satu memorandum yang diberi nama “Dua Puluh Perkara” telah dihantar oleh Sabah, antara lainnya bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan Sabah di dalam Persekutuan Malaysia. Sarawak pula telah bersetuju dengan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam memorandum tersebut, terutamanya yang melibatkan kepentingan dan hak rakyat secara umum. Hasil daripada memorandum yang telah dihantar, Jawatankuasa Antara Kerajaan telah mengesyorkan perkara-perkara penting berikut untuk dipatuhi dan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan:

1. Islam adalah agama rasmi Persekutuan Malaysia tetapi ianya dikecualikan ke atas Sabah dan Sarawak.
2. Bahasa Melayu adalah Bahasa rasmi Persekutuan Malaysia, tetapi Bahasa Inggeris akan digunakan sebagai Bahasa Rasmi di Sabah dan Sarawak.
3. Sistem pendidikan dikekalkan di bawah kawalan Kerajaan Pusat kecuali di Sabah dan Sarawak. Sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak kekal di bawah kawalan kerajaan negeri masing-masing sehingga Majlis Negeri membuat pindaan.
4. Di dalam Parlimen Malaysia, sebanyak 16 kerusi hendaklah diperuntukkan kepada Sabah, 24 kerusi kepada Sarawak dan 15 kerusi kepada Singapura.
5. Bidang kuasa Imigresen terletak di bawah Kerajaan Pusat tetapi Sabah dan Sarawak diberi kuasa-kuasa tersendiri untuk mengendalikan hal-ehwal Imigresen.

INTIPATI MEMORANDUM 20 PERKARA

01. Agama

Tiada bantahan berkenaan Islam menjadi agama rasmi Malaysia, tetapi tiada agama rasmi negeri harus diperuntukkan untuk Borneo Utara dan perundangan berkaitan Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tidak seharusnya terpakai di Borneo Utara

02. Bahasa

- Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan Persekutuan
- Bahasa Inggeris akan terus digunakan untuk tempoh masa 10 tahun selepas Hari Malaysia
- Bahasa Inggeris seharusnya menjadi Bahasa Rasmi Borneo Utara untuk kesemua tujuan, samada di peringkat Negeri atau Persekutuan, tanpa had masa.

03. Perlembagaan

Walaupun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sedia ada diterima sebagai asas kepada Perlembagaan Malaysia, Perlembagaan Malaysia seharusnya menjadi satu dokumen baharu yang dipersetujui tanpa mengambil kira perkaitannya dengan negeri-negeri dan tidak seharusnya terjadi daripada satu siri pindaan terhadap satu Perlembagaan yang didrafkan dan dipersetujui oleh negeri-negeri berlainan dalam keadaan-keadaan yang berlainan. Satu Perlembagaan baharu untuk Borneo Utara (Sabah) adalah semestinya penting.

04. Ketua Persekutuan

Ketua Negeri di Borneo Utara tidak seharusnya layak untuk dipilih sebagai Ketua Persekutuan.

05. Nama Persekutuan

Malaysia dan bukannya Melayu Raya

06. Imigresen

Kawalan ke atas urusan imigresen ke dalam mana-mana kawasan di Malaysia daripada luar hendaklah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat tetapi kemasukan ke Borneo Utara hendaklah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan tidak seharusnya boleh mem'veto' kemasukan mana-mana orang ke Borneo Utara bagi urusan-urusan Kerajaan Negeri kecuali dalam keadaan yang melibatkan kawalan ketat keselamatan. Borneo Utara seharusnya mempunyai kawalan yang tidak dihadkan ke atas pergerakan mana-mana orang kecuali mereka yang berasal dari lain-lain kawasan di Malaysia yang berkhidmat di bawah Kerajaan Persekutuan di Borneo Utara

07. Hak Berpisah

Tiada hak sepatutnya diberikan untuk berpisah daripada Persekutuan.

08. Borneonisasi

Proses Borneonisasi di dalam Perkhidmatan Awam seharusnya dijalankan dengan sesegera yang mungkin.

09. Pegawai-Pegawai British

Apa-apa jua usaha harus dilakukan untuk menggalakkan para pegawai British untuk kekal di dalam Perkhidmatan Awam sehingga tempat-tempat mereka dapat diisi oleh orang-orang yang berkecuali di Borneo Utara.

10. Kewarganegaraan

Syor-syor di dalam perenggan 148 (k) di dalam Laporan Suruhanjaya Cobbold seharusnya menjadi punca kuasa dalam mengawal hak-hak kewarganegaraan di dalam Persekutuan di Borneo Utara tertakluk kepada beberapa pindaan berikut:

- Sub-perenggan (i) tidak seharusnya mempunyai keperluan seperti kependudukan selama lima tahun;
- Untuk memastikan ianya mengikut undang-undang sedia ada, sub-perenggan (ii) (a) seharusnya dibaca sebagai, 7 daripada 10 tahun dan bukan 8 daripada 12 tahun;
- Sub-perenggan (iii) seharusnya tidak mempunyai sebarang sekatan yang terikat dengan kewarganegaraan ibu bapa seseorang yang lahir di Borneo Utara selepas Malaysia mesti menjadi rakyat Persekutuan

INTIPATI MEMORANDUM 20 PERKARA

11. Tarif dan Kewangan

Borneo Utara seharusnya terus mengawal kewangannya sendiri, pembangunan dan tariff, dan seharusnya mempunyai hak untuk melaksanakan percukaian sendiri dan untuk meminjam atas kredit sendiri.

Bagi kehilangan geran Pembangunan dan Kebajikan Colonial (CD & W grants), Kerajaan Persekutuan seharusnya memberi jaminan untuk membayar ganti rugi kepada Borneo Utara dan memanjangkannya kepada satu bahagian penuh daripada geran-geran lain seumpamanya atau bantuan yang mungkin diberikan kepada Persekutuan.

12. Hak Istimewa Kaum Bumiputera

Secara prinsipnya, kaum-kaum Bumiputera di Borneo Utara seharusnya menikmati hak-hak istimewa seperti mana orang-orang Melayu di dalam Persekutuan Tanah Melayu, tetapi formula dalam menetapkan hak-hak tersebut seperti mana yang terpakai kepada orang-orang Melayu tidak semestinya terpakai di Borneo Utara.

13. Kerajaan Negeri

- Perdana Menteri (Ketua Menteri) seharusnya dipilih oleh ahli-ahli tidak rasmi Majlis Perundangan.
- Seharusnya wujud satu sistem kementerian (ministerial system) yang sempurna di Borneo Utara.

14. Tempoh Peralihan

Tempoh ini seharusnya diletakkan pada tujuh tahun dan sepanjang tempoh ini, kuasa perundangan hendaklah diletakkan pada Negeri Borneo Utara oleh Perlembagaan dan bukannya melalui penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan



15. Pendidikan

Sistem pendidikan sedia ada di Borneo Utara hendaklah dikekalkan dan untuk tujuan ini, ianya harus diletakkan di bawah kawalan Kerajaan Negeri.

16. Perlindungan Perlembagaan

Tiada pindaan pengubahsuaian atau penarikan terhadap perlindungan khas yang telah diberikan kepada Borneo Utara harus dilakukan oleh Kerajaan Pusat tanpa persetujuan positif daripada Kerajaan Negeri Borneo Utara.

Kuasa untuk meminda Perlembagaan Negeri Borneo Utara seharusnya menjadi hak eksklusif rakyat negeri tersebut. (Nota: Parti Bersatu, Parti Demokratik dan Parti Pasok Momogun menimbangkan majoriti tiga per empat diperlukan untuk mana-mana pindaan berkuatkuasa kepada Perlembagaan Persekutuan dan Negeri manakala UNKO dan USNO menimbangkan majoriti dua per tiga adalah memadai).

17. Wakil di Parlimen Persekutuan

Bilangan wakil-wakil Borneo Utara di Parlimen Persekutuan seharusnya mengambil kira, bukan sahaja bilangan populasi tetapi juga saiz dan potensi-potensi yang berkaitan dan dalam apa jua kes, hendaklah tidak kurang daripada wakil-wakil dari Singapura.

18. Nama Ketua Negeri

Yang di-Pertua Negara.

19. Nama Negeri

Sabah

20. Tanah, Hutan, Kerajaan Tempatan, dan lain-lain

Peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan, terutamanya yang berkaitan dengan kuasa Majlis Tanah Negara tidak seharusnya terpakai di Borneo Utara. Sepertinya juga, Majlis Kerajaan Tempatan Kebangsaan juga tidak terpakai di Borneo Utara.



PENUTUP

KOMITMEN

KERAJAAN MALAYSIA

YAB Perdana Menteri, Tun
Dr. Mahathir Mohamad

Seperti mana yang dinyatakan di dalam manifesto kerajaan dan diulang oleh YAB Perdana Menteri semasa sambutan Hari Malaysia yang lepas, kerajaan komited untuk mengkaji semula perjanjian MA63 untuk memastikan hak-hak dan kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak kekal terbela dan terpelihara.

Oleh itu, marilah sama-sama kita memberikan sokongan dan berusaha untuk menjadikan perjanjian MA63 terlaksana di atas dasar dan prinsip untuk memajukan negara kita agar keamanan dan kejayaan dapat kita kecapai dan nikmati bersama. –A

...Harapan kita, apa saja penilaian semula yang dilakukan terhadap amalan-amalan ini perlulah dilakukan di dalam semangat setia kawan, saling menghormati dan sikap tolak ansur yang tinggi di antara kita. Tanpa semangat dan sikap ini, kesatuan kita sebagai satu Negara dan satu Bangsa akan terhakis dan keindahan yang kita kecapai bersama selama ini akan hilang di masa akan datang...” - Tun Dr. Mahathir Mohamad, 16 September 2018

SENARAI BAHAN RUJUKAN

1. No. 10760 - "UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND and FEDERATION OF MALAYA, NORTH BORNEO, SARAWAK and SINGAPORE". Treaty Series Treaties and international agreements registered or filed and recorded with the Secretariat of the United Nations. Volume 750. United Nations. New York. 1975.
2. "Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, 1962" (Cobbold Commission Report). 1962.
3. "MALAYSIA - Report of the Inter-Governmental Committee 1962". The Government Printing Department, Datuk Liew Sak Siong, Government Printer, Sabah, Malaysia. 19??.
4. "MALAYSIA KITA (Panduan dan Rujukan Untuk Peperiksaan Am Kerajaan)". International Law Book Services. 2011.
5. "FEDERATION OF MALAYA - Act of Parliament No. 26 OF 1963 MALAYSIA ACT". Sabah Lawnet. 2016.
6. "Malaysia Act 1963 CHAPTER 35". London: Published by Her Majesty's Stationary Office. 1963.
7. "The Kadazans and Sabah Politics". Luping, Herman James (Thesis). 1985.